

Kesesakan ke Pelabuhan Kelang akan diatasi

# Kerajaan cari firma bina jalan lencongan

PELABUHAN KELANG, Selasa — Kerajaan sedang memilih syarikat swasta bagi mengendalikan pembinaan jalan lencongan di Selat Kelang Utara untuk mempercepat pengangkutan kontena, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam.

Katanya, pihak swasta itu diberitahu mengenai perkara ini dan mereka mampu melaksanakannya.

Bercakap kepada para pemberita di sini hari ini, beliau berkata, kerajaan diberitahu bahawa syarikat itu berkebolehan membina dan menyelenggarakan jalan itu.

"Semua lalulintas di jalan itu akan ditetapkan oleh pihak berkenaan sehingga mereka mendapat balik modal dan sedikit keuntungan," katanya.

Selepas itu, jelas Datuk Musa, pihak swasta itu akan menyerahkan jalan itu kepada kerajaan.

Ditanya bilakah projek membina jalan itu akan bermula dan siap, beliau berkata: "Setelah keputusan diambil untuk menyerahkan pelaksanaan membina jalan itu kepada swasta, ada beberapa masalah teknikal dan kini Jabatan Kerja Raya (JKR) sedang mengkaji masalah itu."

Dengan itu, katanya, pembinaan jalan itu akan dimulakan secepat mungkin sebaik saja JKR menyiapkan kajian dan menyerahkannya kepada syarikat swasta berkenaan.

Beliau yakin, dengan siapnya jalan lencongan itu akan dapat mengatasi kesesakan lalulintas ulang-alik dari Pelabuhan Kelang ke Kuala Lumpur yang kini melalui bandar Kelang.

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia



Datuk Musa (kanan) dan Tan Sri Chong di sidang akhbar